

ELEMEN-ELEMEN KOMPETENSI BACAAN FASIH SURAH AL-FATIHAH

ELEMENTS OF PROFICIENT RECITATION COMPETENCY OF SURAH AL-FATIHAH

Muhamad Azim Bin Azni¹
Ahmad Rozaini Ali Hasan^{2*}

¹ Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS), UITM Perak Branch, Seri Iskandar Campus, Malaysia.
(E-mail : Azimazni16@gmail.com)

² Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS), UITM Perak Branch, Seri Iskandar Campus, Malaysia.
(E-mail : ahmad@uitm.edu.my)

*Corresponding Author

Article history

Received date : 19-6-2025

Revised date : 20-6-2025

Accepted date : 25-7-2025

Published date : 15-8-2025

To cite this document:

Azni, M. A., & Hasan, A. R. A. (2025). Elemen-elemen kompetensi bacaan fasih surah al-fatihah. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 10 (75), 398 - 406.

Abstrak: Surah Al-Fatihah adalah surah yang paling penting dalam Al-Quran, yang dibaca dalam setiap rakaat solat. Bacaan yang betul dan sempurna adalah penting untuk memastikan makna yang disampaikan tidak terjejas. Artikel ini membincangkan elemen-elemen kompetensi dalam bacaan Fasih Surah Al-Fatihah, termasuk Itmamul Harakat, Makhraj Huruf, Sifat Huruf, Annabru, Hukum Tajwid, dan Talaqqi Musyafahah. Artikel ini juga menyoroti peranan guru yang mutqin dalam proses pembelajaran. Melalui analisis dalil-dalil Al-Quran dan hadis serta pandangan ulama seperti Imam Attibi dan Imam Ibnu Al-Jazari, artikel ini bertujuan untuk memberikan pemahaman yang mendalam mengenai kepentingan dan aplikasi elemen-elemen ini dalam bacaan Al-Fatihah.

Kata Kunci: Surah Al-Fatihah, Itmamul Harakat, Makhraj Huruf, Sifat Huruf, Annabru, Hukum Tajwid, Talaqqi Musyafahah, Guru Mutqin, Imam Attibi, Imam Ibnu Al-Jazari.

Abstract: Surah Al-Fatihah is the most important chapter in the Qur'an, recited in every unit (*rak'ah*) of prayer. Accurate and proper recitation is crucial to ensure that the intended meaning is preserved. This article discusses the core competency elements involved in the fluent recitation of Surah Al-Fatihah, including *Itmām al-Harakāt* (completion of vowel sounds), *Makhrāj al-Hurūf* (articulation points of letters), *Ṣifāt al-Hurūf* (characteristics of letters), *An-Nabru* (intonation), *Tajwīd* rules, and *Talaqqī Musyāfahah* (direct oral transmission from a qualified teacher). The article also highlights the vital role of a proficient (mutqin) teacher in the learning process. Through an analysis of evidences from the Qur'an and Hadith, as well as scholarly perspectives from figures such as Imam al-Tībī and Imam Ibnu al-Jazārī, this article aims to provide a comprehensive understanding of the significance and practical application of these elements in the recitation of Surah Al-Fatihah.

Keywords: *Surah Al-Fatiyah, Completion of Vowel Sounds, Articulation Points of Letters, Characteristics of Letters, Intonation, Tajwid Rules, Oral Transmission, Proficient Teacher, Imam al-Tibī, Imam Ibn al-Jazārī*

Pendahuluan

Surah Al-Fatiyah, yang juga dikenali sebagai "Pembuka", merupakan surah yang sangat penting dan istimewa dalam Al-Quran. Keseluruhan perkataan dan ayatnya menggambarkan keseluruhan Al-Quran (Rasyidi, 2014). Ia adalah surah pertama dalam susunan mushaf Al-Quran dan memainkan peranan dalam amalan ibadah seorang Muslim. Setiap rakaat solat, sama ada solat fardhu atau sunat, dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiyah, menjadikannya pusat kepada setiap ibadah solat yang dilaksanakan sepanjang hari.

Menurut Azizul (2017), Surah Al-Fatiyah merupakan surah yang paling banyak dibaca, dihafaz, diulang dan dipelajari oleh umat Islam. Keutamaan Surah Al-Fatiyah dalam solat tidak dapat dipertikaikan. Ia adalah tiang utama solat yang menentukan sah dan tidaknya ibadah tersebut. Bacaan yang betul dan sempurna bukan sahaja memastikan kesahihan solat tetapi juga mempengaruhi kekhusukan dan kesan spiritual dari solat tersebut. Ini kerana Surah Al-Fatiyah mengandungi doa dan pujian yang mendalam kepada Allah SWT, serta petunjuk bagi umat Islam dalam menjalani kehidupan sehari-hari.

Menurut Azizul lagi (2017), Ulama membahagikan kesalahan dalam pembacaan Al-Quran termasuk Surah Al-Fatiyah kepada dua bahagian iaitu, kesalahan nyata (*Lahn Jaliy*) dan kesalahan tersembunyi (*Lahn Khafiy*). Kesalahan nyata (*Lahn Jaliy*) bermaksud kesalahan yang berlaku pada baris *'irab* ataupun menukar sebutan huruf kepada huruf yang lain. Contohnya menukar harakat *fathah* huruf *ta* kepada harakat *dhammah*. Hukumnya haram dan berdosa sekiranya membaca dengan sengaja. Kesalahan tersembunyi pula bermaksud kesalahan yang berlaku pada hukum hakam tajwid. Ia mampu dikesan oleh pakar dalam bidang al-Quran sahaja. Contohnya dengung yang tidak sempurna, kadar mad yang tidak mencukupi, sebutan huruf kurang sempurna dan lain-lain. Hukumnya makruh sekiranya dilakukan dengan sengaja.

Untuk mencapai bacaan Surah Al-Fatiyah yang betul, seseorang harus menguasai pelbagai elemen kompetensi bacaan yang komprehensif. Menurut Uwais (2023), membaca Al-Quran secara tartil bermaksud mengelokkan sebutan setiap huruf dan berhenti pada tempat yang betul. Beberapa elemen-elemen telah dikenalpasti sebagai tapak asas untuk kompetensi mengelokkan bacaan Surah Al-Fatiyah. Terdapat tujuh elemen penting iaitu *Itmamul Harakat*, *Makhraj Huruf*, *Sifat Huruf*, *Annabru*, Hukum Tajwid, dan *Talaqqi Musyafahah* dan guru yang mutqin. Setiap elemen ini memainkan peranan penting dalam memastikan setiap huruf dan bacaan dilakukan dengan tepat dan sempurna, sesuai dengan tatacara yang ditetapkan dalam ilmu tajwid. Artikel ini bertujuan untuk meneroka setiap elemen kompetensi tersebut dengan mendalam, menyediakan penjelasan tentang bagaimana elemen-elemen ini berfungsi secara individu dan dalam kombinasi untuk membentuk bacaan yang sah dan berkesan.

Selain itu, artikel ini akan menghubungkan elemen-elemen tersebut dengan pandangan ulama terkemuka dan dalil-dalil dari Al-Quran serta hadis, untuk memberikan pemahaman yang lebih mendalam tentang kepentingan dan aplikasi praktikal dalam bacaan Surah Al-Fatiyah. Melalui analisis ini, diharapkan para pembaca dapat memahami bukan sahaja teknik yang betul dalam membaca Surah Al-Fatiyah, tetapi juga keperluan spiritual dan ibadah yang melibatkan surah ini dalam konteks solat dan kehidupan sehari-hari seorang Muslim.

Itmamul Harakat


Itmamul Harakat merujuk kepada kesempurnaan dalam menyebut setiap harakat dalam bacaan Al-Quran. Harakat adalah tanda baris yang menentukan vokal huruf dalam bacaan. Kesempurnaan dalam Itmamul Harakat memastikan bahawa setiap huruf dibaca dengan betul. Salah satu kesalahan umum semasa membaca Al-Quran adalah tidak mengumpulkan bibir ketika melafazkan huruf-huruf dhommah, padahal seluruh huruf dhommah tidak akan sempurna dhommahnya kecuali dengan mengumpulkan bibir. Jika tidak demikian, maka dhommahnya menjadi kurang, kerana tidaklah sempurna huruf kecuali dengan menyempurnakan harakatnya. Jika tidak sempurna harakatnya, maka tidaklah sempurna pula huruf. Begitu juga dengan huruf kasrah, tidak sempurna kecuali dengan menurunkan rahang bawah, jika tidak maka kasrahnya menjadi kurang sempurna. Begitu pula dengan huruf fathah, tidak sempurna kecuali dengan membuka mulut, jika tidak maka fathahnya menjadi kurang. Menurut Azizul, 2017 di antara kesalahan tersembunyi dalam pembacaan Surah Al-Fatiyah adalah tidak menyempurnakan harakat fathah, kasrah dan dhammah. Contohnya pada harakat dhammah hendaklah memuncungkan mulut ke hadapan seperti huruf dhad (ض) pada perkataan المغضوب. Tentang hal tersebut, Imam Ath-Thibi (2001) menyebutkan dalam Manzhumahnya:

وَكُلُّ مَصْمُومٍ فَلَنْ يَتَمَّا * إِلَّا بِضمِ الشَّفَتَيْنِ ضَمًّا

Dan setiap dhommah tidak akan sempurna kecuali dengan mengumpulkan (memuncungkan) dua bibir

وَذُو الْخَفَاضِ بِالْخَفَاضِ لِلْقُمْ * تَيْمُ وَالْمَفْتُوحُ بِالْفَتْحِ افْهَمْ


Dan khafadh (kasrah) dengan merendahkan rahang maka akan sempurna, dan fathah dengan membuka. Fahamilah.



Rajah 1 : Perbezaan Itmamul Harakat Dalam Kitab Tajwid Attajwid Al-Musawwar
Sumber : Aiman Suwaid, 2024

Makhraj Huruf


Makhraj Huruf adalah tempat keluar bunyi huruf. Pengertian Makhraj Huruf dari sega bahasa ialah nama tempat keluar sesuatu, manakala dari segi istilah merupakan tempat keluar-keluar huruf hijiyah yang mempunyai sebanyak 29 huruf dari alif sehingga ya dari mulut, lidah, bibir, jauf dan khaisyum (Farid, 2017) yang berlebar dalam lima makhraj umum dan 17 makhraj khusus (al-Jazari, 2002). Contohnya makhraj umum bagi huruf Hamzah (ء) adalah di bahagian halkum, manakala makhraj khususnya adalah di pangkal hallkum (al-Jazari, 2002). Memahami *makhraj* adalah penting untuk memastikan setiap huruf diucapkan dengan tepat. Tanpa mengenal *makhraj*, seorang pembaca al-Quran tidak dapat menyebut dan membaca al-Quran (Ammar, 2021).



Rajah 2: Kedudukan Makhraj Huruf Dalam

Sumber : Aiman Suwaid, 2024

Kesalahan dalam makhraj boleh menyebabkan perubahan makna dan mempengaruhi kualiti bacaan. Menurut Imam Ibnu Al-Jazari (2011) dalam kitabnya "Al-Muqaddimah Al-Jazariyyah," menjaga makhraj huruf adalah asas kepada bacaan yang betul. Beliau menyatakan bahawa setiap huruf mempunyai tempat keluarnya yang khusus, dan sebarang kesilapan dalam makhraj boleh mengubah makna ayat dan membatalkan solat. Latihan dengan kaedah Talaqqi Musyafahah, di mana pelajar mendengar dan meniru bacaan guru, adalah kaedah terbaik untuk menguasai makhraj huruf. Menurut Azizul (2017), antara kesalahan nyata dalam pembacaan Surah Al-Fatiyah adalah menukar sebutan huruf Ha (ح) kepada huruf (ه) pada kalimah الرحمن. Makhraj Huruf ha (ح) adalah di bahagian tengah kerongkong, manakala makhraj huruf Ha' (ه) ialah di bahagian pangkal kerongkong. Kesalahan ini merubah makna daripada "Maha pengasih" kepada "Cara perjalanan unta yang lemah kepenatan".




Rajah 3: Perbezaan Makhraj Huruf ح Dan Huruf ه

Sumber : Aiman Suwaid, 2024

Sifat Huruf


Sifat Huruf adalah satu perkara yang sangat penting dalam ilmu tajwid. Seseorang qari tidak mungkin dapat melafazkan huruf-huruf al-Quran dengan sempurna jika tidak mengetahui atau menguasai sifat huruf (Abu Mardhiyah 2012). Sifat Huruf bermaksud ciri atau identiti khusus yang berada pada setiap sebutan huruf (Hafizuddin 2024). Ianya merujuk kepada ciri-ciri bunyi tertentu yang dihasilkan oleh huruf, seperti *Al-Hamsu* (terlepas angin), *Al-Ismat* (Berhati-hati ketika menyebut huruf), *Al-qalqalah* (pantulan), *Al-isti'lā* (terangkat pangkal lidah), dan lainnya. Sifat huruf terbahagi kepada dua, sifat berlawanan dan sifat tunggal. Contoh Sifat berlawanan adalah *Syiddah* (tertahan Suara) lawannya *Rakhawah* (terlepas Suara) dan *Tawassut* (Di antara kedua-duanya). Contoh Sifat Tunggal adalah Sifat Takrir (Bergetar) pada huruf (ر) dan tafasyyi (berhamburan) pada huruf (ش).



Rajah 4: Alirah Sifat Rakhawah

Sumber : Ajman Suwaid, 2024

Melalui sifatnya, seseorang itu akan mampu membezakan suatu huruf itu dengan keadaan sebutannya. Memahami sifat huruf ini adalah kelebihan kerana ia berfungsi sebagai pelengkap kepada makhraj. Sifat huruf membolehkan kita membezakan lafaz sebutan bagi huruf yang makhrajnya sama. Selain itu, kita akan dapat membezakan huruf yang kuat atau lemah atau huruf yang dilafazkan secara tebal atau tipis berdasarkan ciri-ciri ini. Selain itu, sifat huruf membantu sebutan huruf menjadi lebih tepat, terutamanya untuk huruf yang sebutannya hampir sama, seperti tha (ٿ) dan sin (ڦ), ta (ٿ) dan tho (ٿ). Memahami sifat huruf membantu dalam memperhalusi bacaan dan menambahkan keindahan serta ketepatan bacaan. Imam Ibnu Al-Jazari menekankan bahawa sifat huruf adalah salah satu komponen utama dalam penguasaan tajwid. Beliau menyatakan bahawa sifat huruf memastikan setiap bunyi dihasilkan dengan cara yang betul, dan jika diabaikan, boleh mengubah makna ayat. Dalam Surah Al-Hijr, ayat 9, Allah SWT berfirman: "Sesungguhnya Kamilah yang menurunkan Al-Quran, dan sesungguhnya Kami benar-benar memeliha ranya." Ayat ini menunjukkan bahawa pemeliharaan bacaan yang betul termasuk menjaga sifat huruf adalah tanggungjawab umat Islam. Setiap ayat dalam Surah Al-Fatiyah mengandungi huruf-huruf dengan sifat yang berbeza. Sebagai contoh, pada kalimah **الدين** ayat empat Surah Al-Fatiyah. Huruf Dal dan Ta bersamaan pada makhraj namun dibezakan pada Sifat Hamas bagi huruf Ta dan Sifat Jahr bagi huruf Dal. Kesalahan ini menyebabkan berlakunya perubahan makna iaitu daripada "Hari Kiamat" kepada "Buah Tin". Latihan praktikal yang melibatkan analisis dan pembetulan dari guru adalah penting untuk menguasai sifat huruf.



Rajah 5: Perbezaan Antara Sifat Isfal Dan Isti'la'

Sumber : Aiman Suwaid, 2024

An-Nabru

An-Nabru adalah ilmu yang banyak dibahaskan berkaitan dengan aspek suara (*as-Soutiyyah*), bukan dari ilmu Tajwid. Pergerakan dalam bunyi adalah asas kepada pertuturan. Tanpa pergerakan, kita tidak dapat menghasilkan bunyi atau kata-kata. *Nabr* atau tekanan suara adalah satu fenomena bunyi yang sangat penting dalam bahasa Arab. *Nabr* bermaksud menekankan pada satu suku kata tertentu dalam perkataan supaya ia lebih jelas dan kuat berbanding suku kata lain (Amer Hamza,2023). Menurut Syekh Aiman Suwaid pula, Annabru dalam bahasa membawa maksud "tekanan," "menguatkan," atau "menegaskan suara." Dalam ilmu suara, ianya merujuk kepada memberikan tekanan pada suku kata atau huruf tertentu sehingga suaranya lebih tinggi daripada huruf-huruf yang bersebelahan dengannya. Menurut Dr. Tammam Hasan (2021), an-Nabru adalah ازيداد الوضوح, iaitu suara yang lebih jelas dan terang. Ia juga merujuk kepada kaedah menekankan atau mengangkat satu juzu' dari bahagian-bahagian kalimah agar ia lebih jelas didengar. Istilah *Annabru* ini adalah suatu kajian yang lama dan baru. Lama dari segi subjeknya, tetapi baru dari segi nama dan gaya penyampaiannya. Beberapa isu yang berkaitan dengan *Annabru* telah disebutkan oleh Makki ibn Abi Talib al-Qaysi (wafat pada tahun 437 H) dalam kitabnya *Arri'ayah* pada bab yang membahas huruf yang ditekankan (*Al-Musyaddadat*) dan yang datang sesudahnya. Demikian juga, beberapa imam tajwid lainnya telah membahas hal ini dalam karya-karya mereka. Menurut Syekh Aiman Suwaid lagi *Annabru* berlaku dalam lima keadaan :

1. An-Nabru ketika waqf huruf yang bertasydid
2. An-Nabru ketika huruf wau dan ya bertasydid
3. An-Nabru pada kalimah yang berlaku kekeliruan dari segi makna, di mana kesilapan sebutan boleh mengubah maksudnya.

An-Nabru tidak berlaku pada hukum Qolqolah, seperti dalam huruf qolqolah yang sudah jelas dan terang. Contoh seperti وَتَبْ لِلْحَقِّ dan لِلْحَقِّ tidak memerlukan an-Nabru. Di dalam Surah Al-Fatiyah Annabru berlaku pada tiga tempat iaitu pada perkataan إِيَّاكَ الظَّالِمُونَ pertama dan kedua ketika huruf يَ bertasydid. Tempat ketiga adalah ketika perkataan الظَّالِمُونَ perlu di Nabru kan pada huruf لَ.

Hukum-Hukum Tajwid

Menurut Qadir (2021), Tajwid mengikut bahasa memperelokkan sesuatu. Dari sudut istilah melafazkan setiap huruf dari makhrajnya yang betul serta memenuhi hak-hak setiap huruf iaitu sifat aslinya (tujuh belas sifat) dan mustahaknya iaitu sifat yang mendatang (sifat 'Aridhah). Sifat yang mendatang termasuklah Tafkhim, Tarqiq, Izhar, Idgham, Iqlab, Ikhfa', Mad Far'ie

dan lain-lain. Ilmu tajwid membincangkan kalimah-kalimah al-Quran dari segi memantapkan sebutan huruf-huruf dan sifat-sifatnya sampai kepada tujuan menyebutnya dengan fasih dan sebaik bacaan. Faedah darinya dapat memelihara lidah dari melakukan kesalahan ketika membaca al-Quran dan semoga mendapat syafaat al-Quran serta petunjuk juga rahmat daripada Allah di dunia dan akhirat. Kelebihan mempelajari al-Quran adalah semulia-mulia ilmu kerana ia berkaitan terus dengan kitab Allah al-Quran. Hukum mempelajari Ilmu Tajwid adalah Fardhu Kifayah dan mengamalkannya iaitu membaca al-Quran dengan bertajwid adalah Fardhu Ain bagi setiap muslimin yang mukallaf, adapun mereka yang mengingkari terhadapnya adalah kafir. Masalah yang dibincangkan adalah kaerah-kaerah dan semua permasalahan seperti Ikhfa', Idgham, Izhar dan lain-lain. Menguasai hukum tajwid adalah penting untuk memastikan bacaan al-Quran yang tepat termasuk dalam bacaan Surah Al-Fatiha. Rasulullah SAW bersabda: "Bacalah Al-Quran dengan cara yang mudah bagi kamu, tetapi janganlah membaca dengan cepat yang menghalangi pemahaman." (HR Bukhari). Ini menekankan bahawa pembacaan Al-Quran harus dilakukan dengan peraturan tajwid yang betul. Contoh kesalahan bacaan dalam tajwid adalah pada kalimah Huruf Nun pada setiap akhir ayat dibaca dengan dengung yang lebih daripada kadar sepatutnya.

Talaqqi Musyafahah

Talaqqi Musyafahah adalah kaerah tradisional pengajaran Al-Quran di mana pelajar mempelajari bacaan dengan mendengar dan meniru guru secara langsung. Kaerah ini telah digunakan sejak zaman Rasulullah SAW dan terus diamalkan hingga kini. Menurut Hassan (1986), ilmu pembelajaran membaca al-Quran berbeza dengan ilmu-ilmu lain. Al-Quran tidak dibolehkan mempelajari melalui Mushaf tanpa mengambil bacaan daripada guru-guru yang sanad bacaan mereka sampai kepada Rasulullah s.a.w. Talaqqi Musyafahah memastikan bahawa pelajar menerima pembetulan segera dari guru, yang membantu memperbaiki kesilapan bacaan serta memastikan ketepatan dalam setiap sebutan huruf. Kajian menunjukkan bahawa pelajar yang belajar melalui talaqqi lebih cenderung untuk menguasai tajwid dengan lebih baik. Menurut Salleh (2016), sesiapa yang membaca al-Quran dengan tiada bertajwid dan tiada mengambil daripada gurunya bererti bacaannya telah meninggalkan tartil. Panduan untuk talaqqi termasuk memastikan bacaan dilakukan dengan lantang dan jelas, serta memberi fokus pada kesalahan kecil. Cabaran dalam talaqqi termasuk kekurangan guru yang berkelayakan dan masa yang terhad untuk pelajar moden. melalui kaerah talaqqī musyāfahah murid dan pelajar mudah untuk menerima pengajaran guru berkaitan hukum tajwid. Menurut Syakir (2021) terdapat beberapa hukum tajwid yang memerlukan murid melihat bagaimana gurunya membaca atau menyebut sesuatu kalimah. Contohnya hukum tajwid yang melibatkan kadar mad, sebutan huruf, bacaan isymām, raum, taqlil, imālah, tashil, qasr, tawassut dan sebagainya. Murid yang mendengar dan memerhati cara guru menyebut sesuatu kalimah secara tidak langsung dapat mengikut dan memperbetulkan bacaan dengan melihat pergerakan bibir guru secara berhadapan.

Guru yang Mutqin

Guru yang mutqin adalah guru yang telah mencapai tahap kepakaran tinggi dalam bacaan Al-Quran dan mempunyai kefahaman mendalam terhadap hukum-hukum tajwid, makhraj huruf dan waqaf ibtida'. Mereka memainkan peranan penting dalam memastikan pelajar menerima pengajaran yang betul dan sahih. Ciri-ciri guru yang mutqin termasuk bacaan yang tepat dan sempurna, serta kemampuan untuk mengesan dan membetulkan kesalahan dengan sabar. Imam Al-Ghazali menegaskan bahawa seorang guru Al-Quran harus sabar, bijak, dan kasih sayang terhadap pelajarnya. Institusi pendidikan Islam perlu memastikan bahawa guru-guru yang mengajar Al-Quran adalah mereka yang benar-benar mutqin, untuk memastikan bahawa setiap

pelajar mampu menguasai bacaan dengan betul. Menurut Salleh (2016), Bacaan yang sempurna (tartil) tidak akan berhasil melainkan dengan menerima daripada mulut gurunya yang fasih dan jika tiada, maka ia termasuk dalam kumpulan yang disabdakan oleh Nabi mafhumnya ramai yang membaca al-Quran dan al-Quran melaknatnya. Menurut Imam Assakhawiy dalam syairnya bertajuk “Annuniah Assakhawiyyah”

يَا مَنْ يَرُوْمُ تِلَوَةَ الْقُرْآنِ وَيَرُوْدُ شَأْوَأْ نَمَّةَ الْإِتْقَانِ

Maksudnya :

Wahai yang mahu membaca al-Quran. Hendaklah ia menekuninya dengan guru yang mahir

Dalil-Dalil Al-Quran dan Hadis Mengenai Surah Al-Fatiyah

Allah SWT berfirman dalam Surah Al-Hijr, ayat 87: "Dan sesungguhnya Kami telah berikan kepadamu tujuh ayat yang dibaca berulang-ulang (Surah Al-Fatiyah) dan Al-Quran yang agung." Ini menunjukkan kedudukan istimewa Surah Al-Fatiyah dalam Al-Quran. Rasulullah SAW bersabda: "Tidak sah solat seseorang yang tidak membaca Surah Al-Fatiyah." (HR Bukhari). Ini menegaskan bahawa bacaan Surah Al-Fatiyah adalah wajib dalam setiap rakaat solat. Tafsir Ibnu Kathir menerangkan bahawa Surah Al-Fatiyah adalah inti kepada solat. Bacaan yang sempurna membantu mencapai khusyuk dalam solat, di mana makna ayat dapat difahami dengan jelas dan mendalam

Kesimpulan

Setiap elemen seperti Itmamul Harakat, Makhraj Huruf, Sifat Huruf, Annabru, Hukum Tajwid, Talaqqi Musyafahah, dan Guru yang Mutqin memainkan peranan penting dalam memastikan bacaan Surah Al-Fatiyah yang tepat dan sempurna. Pembelajaran yang berterusan di bawah bimbingan guru yang mutqin adalah kunci kepada penguasaan bacaan yang betul. Kesalahan harus diperbaiki secara langsung untuk memastikan bacaan yang betul dan sahih. Institusi pengajian Islam perlu terus mengutamakan latihan dan bimbingan kepada guru-guru untuk mencapai tahap mutqin, serta mengintegrasikan kaedah tradisional dan teknologi moden dalam pengajaran Al-Quran.

Rujukan

- Abdul Amer Hamza. (2023). *Annabru Bain Mi'yariyyah Wa Adai Mujawwidil Quran Dirasatu Tahliliyyah Fi Dhaoui Nazariyyah Al-Mizan Annabriyyi*. Auraq Thaqafiyyah.
- Abu Mardhiyah. (2012). *Tajwid Al-Quran Qiraat 'Aashim Riwayat Hafsh Toriq Al-Syatibi*. Al-Jenderaki Enterprise.
- Aiman Rusydi Suwaid. (2024). *Tajwid Attajwid Al-Musawwar*. Dar Al-Ghuthani Lildirasat Al-Qurania.
- Al Imam Syihabuddin Ahmad bin Ahmad bin Badruddin Al Thibi .(2001). *Manzumah Al-Mufid Fi Al Tajwid*. Tahqiq Aiman Rusydi Suwaid. Dar Al-Ghuthani Lildirasat Al-Qurania.
- Amani Muhammad Asyur. (2011). *Al-Usul Annayyirat Fil Qiraat*. Madar Al-Watan Linnashri.
- Azizul Hassan. (2017) *Fiqh Al-Fatiyah, Perbahasan Dimensi Ilmu Dalam Surah Al-Fatiyah*. Al Mufid Enterprise.
- Farid bin Samad. (2017). *Inayah Al Rahman Dalam Pembacaan Al-Quran, Risalah Makhraj & Sifat Huruf*. Kolej Islam As Sofa.
- Haji Abdul Qadir Leong. (2021). *Tajwid Al-Quran*, Pustaka Salam.
- Hassan Mahmud Al-Hafzi. (1986). *Pembelajaran Ilmu Tajwid Al-Quran*. Dinie Publisher.
- Imam An-Nawawi. (2015). *Adab berdamping dengan Al-Quran*. PTS Publising.
- Jamal Mohd Qurtubi Sulaiman. (2021). *Makhraj Huruf & Sifat-Sifat Huruf Dari Matan Muqaddimah Al-Jazariyyah*. El-Qurthuby Quranic Centre.
- Muhammad Ammar Farhan Ramlan. (2021). *Metodologi Tajwid Imam Ibn Al-Jazari pada Matan Muqaddimah Al-Jazariyyah*. Fakulti Pengajian Peradaban Islam (FPPI), Kolej Universiti Islam Selangor (KUIS)
- Mustafa. (2011). *Syarah Muqaddimah al-Jazariyyah*. Madinah: Maktabah Fahd.
- Rasyidi Al-Alawiy. (2014). *Keagungan Al-fatihah Merungkai Rahsia Di Sebalik Ummul Kitab. Telaga Biru*.
- Sheikh Muhamad Saleh bin Zainal 'Abidin. (2016). *Siraj Al-Qari*. Jabal Maraqy Sdn.Bhd.
- Uwais Qorny .(2023). *40 Rahsia Baca Quran Macam Pakar*. Galeri Ilmu Sdn. Bhd.
- Wan A. Halim, W. M. H. (2024). Analisis kesalahan sebutan huruf-huruf al-Quran dalam kalangan pelajar dewasa di pusat-pusat pengajian al-Quran Zon Utara Semenanjung Malaysia. *AL-MAKRIFAH: Journal of Knowledge and Learning in Islamic Tradition and Culture*, 6(1), 15–30.
- Al-Jazari, Muhammad bin Muhammad. (2002). *al-Nashr Fi al-Qiraat al-Ash*, Dar Al-Sahabah.